

BULETIN KILAS

SEMPENA



إِيتِن كَمَا جَوَازَ إِسْلَامَ مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



MAULIDUR RASUL

SAW 1444H - 2022M

مَوْلِدُ الرَّسُولِ ﷺ وَتَسْلِيمُ

RASULULLAH SAW

Insan Teragung Pilihan Ilahi

> 42

KELEBIHAN
BERSELAWAT

> "DIA" KEKASIH ALLAH

> CINTA KHADIJAH DI RUMAH
RASULULLAH SAW

> KASIH UMAR KEPADA
RASULULLAH SAW

> IRHAS: TANDA-TANDA
AWAL KENABIAN

> KHUTBAH WADA'
RASULULLAH SAW

“KELUARGA MALAYSIA PEMANGKIN KEMAKMURAN”

Selawat Maulidur Rasul

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ

اللَّهُ برصوات (سموڤك الله ممبريكن
بركت دان رحمة) كاتس محمد

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

اللَّهُ برصوات (سموڤك الله ممبريكن بركت
دان رحمة) دان سلام كاتسن

يَا نَبِيَّ سَلَامٌ عَلَيْكَ

واهاي نبي سلام اتسمو

يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ

واهاي رسول سلام اتسمو

يَا حَبِيبُ سَلَامٌ عَلَيْكَ

واهاي ككاسيه سلام اتسمو

صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْكَ

اللَّهُ برصوات (سموڤك الله ممبريكن بركت
دان رحمة) كاتسمو

أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا

بولن فورنام مپيزي كيت

فَاخْتَقَتْ مِنْهُ الْبُدُورُ

هيلغ لپف سكالادوكا

مِثْلَ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا

اينده مناون تيدق ثرنه دفتدغ

قَطُّ يَا وَجْهَ الشَّرُّورِ

واجه كمپيرا سفنچع حياه

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ

كاوله ماتهاري كاوله بولن

أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ

كاوله جهاي مغتسي جهاي

أَنْتَ اكْبَرُ وَغَالِي

كاوله رهسيا هيدوف موليا

أَنْتَ مَصْبَاحُ الصُّدُورِ

كاوله اوبور مپولوه جيو

يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدُ

واهاي ككاسيهكو واهاي محمد

يَا عَرُوسَ الْخَافِقِينَ

واهاي فعتنين اينده ميكت

يَا مُؤَيَّدُ يَا مُجِدُّ

واهاي نبي واهاي يغ دجولغ فوجا

يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ

واهاي امام دوا قبله

مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ

بهاكيله اورغ يغ مندغ و جهمو

يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ

واهاي فغهورلو بركورون موليا

حَوْضُكَ الصَّافِي الْمُبَرَّدُ

كولم ايرمو سيجوق جرينه

وَرَدْنَا يَوْمَ النُّشُورِ

تمقت كامي مينوم دهاري اخير

مَا رَأَيْنَا الْعَيْسَ حَتَّى

تيدق ثرنه ترليهت اوتتا برجالن

بِالسُّرَى إِلَّا إِلَيْكَ

سفنچع مالم مريندوكن توان

وَالْغَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ

اغكاو دفايوغي اون فوثيه

وَالْمَلَائِكَةُ صَلُّوا عَلَيْكَ

داعيربيغي دعاء فارا ملائكة

عَالَمُ السِّرِّ وَأَخْفَى

الله مغتاهوي رهسيا ترسيرت

مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ

دي مفركن سكالادعاء

رَبِّ ارْحَمْنَا جَمِيعًا

واهاي توهن رحمتيله كامي

بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ

دغن سكالاعملن صالح

وَصَلَاةُ اللَّهِ عَلَى أَحْمَدَ

الله برصوات كاتس محمد

عَدَّ تَحْرِيرَ السُّطُورِ

سباق بارس كرتس دتوليس

أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدٌ

سباق - باعيق فوجيان يغ مباوا

فتونجوق ايله محمد

صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ

يغ مفقوپاي وجه برسري مناون

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

يا الله صلوات دان سلام سرتا بركييله كاتسن

KANDUNGAN

BULETIN KHAS MAULIDUR RASUL SAW 1444H - 2022M

Rasulullah SAW Insan Teragung
Pilihan Ilahi 2

"Dia" Kekasih Allah 4

Salasilah Junjungan Nabi SAW (ke atas) 5

Kenali Anak-Anak Rasulullah 6

Salasilah Junjungan Nabi SAW
(ke bawah) 7

Cinta Khadijah Di Rumah Rasulullah SAW 8

Kasih Umar Kepada Rasulullah SAW 10

42 Kelebihan Berselawat Ke Atas
Nabi Muhammad SAW 12

Petunjuk Nabi SAW Berkaitan Kompetensi
Dalam Bekerja 13

Indahnya Berselawat 16

Irhas : Tanda-Tanda Awal Kenabian
Nabi Muhammad SAW 18

Khutbah Wada' Rasulullah SAW 21

SIDANG REDAKSI:



PENAUNG:

Datuk Hajah Hakimah Binti
Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



PENASIHAT:

Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi))



KETUA PENGARANG:

Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan,
JAKIM)



PENGARANG:

Mohd Meeftah Bin Anuar



PENOLONG PENGARANG:

Nur Madiah Binti Rakes Junaedi



PENYUNTING:

Mariam Binti Othman
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



PENGURUS EDARAN:

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



PEMBANTU EDARAN:

Husna Salsabila Binti Al'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

REKABENTUK:

Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd





RASULULLAH SAW INSAN TERAGUNG PILIHAN ILAHI

Mohd Meeftah Bin Anuar

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penerbitan, JAKIM
meeftah@islam.gov.my

Saban tahun 12 Rabiulawal pasti disambut secara meriahnya oleh seluruh umat Islam di dunia. Pelbagai majlis diadakan sama ada di desa, di bandar, mahupun diperingkat negeri dan negara. Ini termasuklah aktiviti yang paling ditunggu tunggu, iaitu perarakan di pelbagai peringkat dengan melibatkan sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan mahupun bukan kerajaan yang sama-sama meraikan hari kebesaran ini. Semua ini tidak lain melainkan untuk menterjemahkan rasa kasih dan rindu umat kepada seorang insan mulia. Siapakah beliau yang hari kelahirannya disambut sebegitu meriah? Tarikh keramat ini menjadi begitu bermakna apabila seorang wanita bernama Saidatina Aminah telah dimuliakan oleh Allah SWT untuk melahirkan seorang bayi lelaki yang diberi nama Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib. Beliau ialah Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW iaitu penghulu segala Nabi dan Rasul dan juga merupakan Nabi terakhir yang diutus oleh Allah SWT di muka bumi, bagi tujuan menyebarkan risalah Islam kepada umat manusia, agar kehidupan mereka dipimpin ke jalan yang diredhaiNya.

Ini jelas dinyatakan melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiya': ayat 107,

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam"

Begitu juga firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raaf : ayat 158,

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ
مُلْكُ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ

فَتَأْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَكَلِمَتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayat petunjuk."

Kemuliaan baginda Nabi SAW terzahir apabila Allah SWT dan para MalaikatNya turut berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Baginda, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Ahzab ayat 56,

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

"Sesungguhnya Allah dan MalaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadaNya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

Keagungan baginda Nabi SAW semakin terserlah sehingga Allah SWT memberi amaran keras serta melaknati mereka yang menyakiti Allah dan RasulNya sebagaimana firmanNya dalam surah Al Ahzab Ayat 57,

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا

"Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan RasulNya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina."

Bukan hanya manusia, malaikat, jin, bahkan Allah SWT turut memuji kemuliaan dan ketinggian akhlak Rasulullah SAW sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-Qalam, ayat 4,

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia"

Apabila Saidatina Aisyah RA ditanya, bagaimanakah akhlak Baginda, dengan mudah beliau menjawab, akhlak Rasulullah itu seumpama "Al-Quran".

Nah! Kini apa pula tanggungjawab kita setelah mengenali sosok diri Baginda Nabi SAW? Adakah kita benar benar telah mencontohi ajaran baginda dalam menjalani kehidupan seharian?

Sedari kecil kita diajari dan diingatkan bahawa seorang yang mengaku beriman kepada Allah dan Rasul itu, wajib untuk mematuhi isi kandungan Al-Quran dan melaksanakan segala sunnah Rasulullah SAW. Bahkan Rasulullah turut meninggalkan wasiat kepada kita, "Jika kamu berpegang teguh kepada dua perkara ini, nescaya kamu tidak akan sesat selamanya, iaitu Al-Quran dan Sunnahku."

Apa kata kita luangkan sedikit waktu bagi menilai diri kita masing masing dengan jawapan tulus ikhlas berserta keinsafan;

1. Adakah kita yakin dan pasti bahawa iman kita kepada Allah SWT telah sempurna? Dan adakah kita kenal

Allah dan adakah kita benar-benar cinta kepadaNya?

2. Adakah kita benar-benar kasih dan cinta kepada Rasulullah SAW lebih daripada cinta kita kepada diri sendiri dan manusia yang lainnya?
3. Bagaimana pula dengan para sahabat Rasulullah? Adakah kita mengenali mereka? Adakah wujud perasaan kasih kepada para Sahabat, Aulia', Solefussoleh dan para Ulama' amilin pewaris Nabi?
4. Adakah wujud perasaan kasih sesama umat Islam? Atau adakah perasaan pentingkan diri dan kelompok kita lebih mengatasi?
5. Adakah kita sudah cukup menjalankan tanggungjawab sebagai penolong agama Allah demi membangunkan sebuah negara Islam?
6. Sempurnakah segala amal ibadah yang kita lakukan selama ini?
7. Yakinkah kita bahawa hati kita ini bersih daripada sebarang sifat-sifat mazmummah?
8. Adakah kita lebih memilih dunia daripada akhirat?
9. Bersediakah kita untuk menghadapi kematian?
10. Berapa banyakkah zikrullah dan istigfar serta selawat yang kita lakukan dalam seharian?

Bagaimana agaknya jawapan kita semua? Lulus atau gagal? Tepuk dada, tanya Iman. Jika gagal, kita patut malu kepada Rasulullah SAW kerana di mulut kata cinta dan rindu... namun hakikatnya kita telah mensia-siakan usaha Baginda dalam menyebarkan risalah Islam sebagai pegangan hidup kita. Maka... fikir-fikirkanlah, selamat beramal.

“DIA” KEKASIH ALLAH




Nur Madiah Binti Rakes Junaidi
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Nama	: Muhammad Bin Abdullah Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
Tarikh Lahir	: Hari Isnin pada waktu Subuh, 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571 Masihi (dikenali sebagai Tahun Gajah kerana peristiwa tentera bergajah Abraham yang menyerang Kota Kaabah)
Tempat Lahir	: Di rumah Abu Talib, Makkah Al-Mukarramah
Nama Bapa	: Abdullah Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
Nama Ibu	: Aminah Binti Wahab Bin Abdul Manaf
Pengasuh Pertama	: Barakah Al-Habsyiyah (digelar Ummu Aiman, hamba perempuan bapa Rasulullah SAW)
Ibu Susuan	: Thuwaibah (hamba perempuan Abu Lahab) Halimah Binti Abu Zuaib As-Saadiyah (lebih dikenali Halimah As-Saadiyah, suaminya bernama Abu Kabsyah)
Saudara Susuan	: Dari Ibu Susuan (Thuwaibah) - Hamzah dan Abu Salamah Abdullah Bin Abdul Asad Dari Ibu Susuan (Halimah Al-Saidiyyah) - Abu Sufyan Bin Harith Bin Abdul Muttalib, Abdullah Bin Harith Bin Abdul 'Uzza, - Syaima Binti Harith Bin Abdul 'Uzza, Aisyah Binti Harith Bin Abdul 'Uzza
Pekerjaan	: Pengembala Kambing Peniaga
Wafat	: Hari Isnin pada waktu pagi, 12 Rabiulawal tahun ke 11 Hijrah bersamaan 633 Masihi (pada umur 63 tahun)

SALASILAH

HANIF RASULULLAH SAW (KE ATAS)

Nasab Adnan berakhir
pada Sayyidina Isma'il
bin Ibrahim As



KENALI ANAK-ANAK RASULLULLAH



Nur Madiah Binti Rakes Junaidi
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Nabi Muhammad SAW mempunyai 7 orang anak yang terdiri daripada 4 perempuan dan 3 lelaki.

1. Qasim Bin Muhammad

- Nama anak Nabi Muhammad SAW yang pertama adalah Qasim Bin Muhammad. Beliau meninggal pada 605 Masihi sebelum berusia 2 tahun dan dimakamkan di Jannatul Mu'alla, Mekah.

2. Zainab Binti Muhammad

- Zainab Binti Muhammad merupakan putri pertama Rasulullah yang dilahirkan pada tahun ke-30 selepas kelahiran Rasulullah. Nama Zainab diambil daripada Bahasa Arab yang memberi maksud indah dan wangi. Zainab meninggal pada usia 29 tahun dan dimakamkan di Jannatul Baqi.

3. Ruqayyah Binti Muhammad

- Dilahirkan pada tahun ke-33 selepas kelahiran Rasulullah SAW. Kemudian dinikahi oleh Uthman Bin Affan dan dikurniakan anak yang bernama Abdullah. Puteri Nabi Muhammad ini meninggal pada saat berlakunya perang Badar dan dimakamkan di Jannatul Baqi

4. Ummu Kalthum Binti Muhammad

- Merupakan anak keempat Nabi Muhammad SAW yang lahir 6 tahun sebelum Nabi diutus menjadi Rasul. Dia dinikahi oleh Utbah Bin Abu Lahab namun diceraikan sebelum disentuhnya. Selepas itu, dia dinikahi oleh Uthman Bin Affan.

5. Fatimah Az-Zahra Binti Muhammad

- Merupakan salah seorang anak Nabi yang paling dikenali oleh seluruh umat Islam. Oleh kerana kebaikan dan kemuliaan hatinya, anak Nabi ini menjadi inspirasi kepada umat Islam di seluruh dunia.

6. Abdullah Bin Muhammad


- Putra Nabi Muhammad ini meninggal dunia sewaktu usianya yang masih kecil iaitu pada tahun 615 Masihi. Dikenali dengan nama At-Thayyib dan At-Thahir kerana lahir pada zaman kenabian.

7. Ibrahim Bin Muhammad

- Dilahirkan dari rahim isteri Rasulullah yang bernama Maria Al-Qitbiya pada akhir tahun 8 hijriah.

SALASILAH

HANIF RASULULLAH SAW (KE BAWAH)



CINTA KHADIJAH DI RUMAH RASULULLAH SAW



Ummu Hani Abu Hassan

Pensyarah Kanan, Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Hari-hari tanpa cinta adalah hari-hari paling mengerikan dalam hidup seorang manusia. Tidak dapat dibayangkan saat mata terbuka, yang dilihat adalah peperangan dan pembunuhan. Tidak dapat diungkapkan bila jiwa terluka, yang dirasakan hanyalah kepahitan dan kekecewaan. Cinta bukan tentang menjadi kaya dan bahagia, atau menjadi terkenal dan berkuasa. Lebih dari itu, cinta adalah kehidupan itu sendiri. Hari-hari tanpa cinta umpama mati sebelum mati.

Barangkali, cintalah yang paling ampuh mengubati segala kesakitan di akhir zaman. Cinta Al-Khaliq yang mengalir dalam jiwa-jiwa para murabbi. Kemudian mengairi ke sungai-sungai hati para suami dan para isteri. Cinta yang berarus pada Allah dan rasul ini akhirnya subur dalam sanubari insani anak-anak. Cinta sejati yang bermula dari rumah, kemudian bertebaran ke seluruh ruang bumi-Nya. Bercakap tentang cinta, sosok yang paling tepat diteladani adalah Khadijah binti Khuwailid, wanita bangsawan yang merendahkan hatinya memining sang kekasih Allah.

CINTA KHADIJAH CINTA SUCI

Di kala Muhammad bukan lagi seorang rasul, tetapi pemuda jujur yang dibesarkan dalam keluarga Bani Quraisy terhormat di Mekah, yang melalui pengalaman

kemanusiaan sebagai anak yatim piatu, pengembala kambing dan peniaga, saat itulah dirinya dilamar wanita paling bangsawan bernama Khadijah. Tiada kepentingan duniawi dalam penyatuan cinta Muhammad dan Khadijah. Keduanya dikahwinkan atas dasar kemuliaan akhlak dan kehormatan yang diakui seluruh masyarakat di Mekah.

Khadijah meletakkan suaminya di posisi istimewa walaupun usia suaminya lebih muda. Mereka membangunkan rumahtangga yang berbeza dari tradisi masyarakat jahiliah yang bebas tanpa ikatan agama sebagai tamadun. Khadijah jelas dengan peribadi suaminya yang tidak pernah terpalit hal-hal yang melalaikan. Bahkan dalam suasana jahiliah, Muhammad SAW dipelihara daripada perkara buruk hatta untuk melihat pesta keraian pun, Allah SWT menjaga kemuliaan kekasihNya. Khadijah meyakini suaminya adalah seorang yang luar biasa, tanpa berbelah bahagi. Hanya waktu yang akan menjelaskan siapa suaminya nanti.

Tatkala suaminya mula menyendiri ke Gua Hira', beribadah dalam muraqabah yang dalam kepada Tuhan Yang Esa, Khadijah tidak pernah menyoal mengapa waktu siang yang panjang, suaminya tidak bersamanya dengan anak-anak mereka yang masih kecil? Jauh malam, Baginda SAW pulang, Khadijah menanti dengan sabar

dan tenang. Bahkan, ketika waktu-waktu genting yang dialami suaminya di Gua Hira', Khadijah setia menghantar makanan, melalui kerikil-kerikil batu yang tajam dan tinggi semata tidak mahu suaminya lapar. Di saat suaminya sudah menerima wahyu pertama, Khadijah bukanlah wanita naif yang hanya duduk mendengar resah ketakutan si suami terhadap peristiwa dipeluk Jibril. Atas kebijaksanaannya, dia menenangkan suaminya dengan kata-kata yang dinukilkan dalam sejarah:

"Bahkan tidak. Demi Allah, Dia tidak akan mengkhianatimu selama-lamanya. Engkau penyambung silaturrahim, Engkau bercakap benar, Engkau memikul beban orang lain, Engkau meraikan tetamu dan Engkau sentiasa membela kebenaran."

Tanpa bertangguh, Khadijah membawa suaminya yang dalam keadaan ketakutan dan lemah pergi ke rumah sepupunya, Waraqah bin Naufal. Mengapakah Khadijah memilih Waraqah? Bukan pawang atau bomoh yang lain? Kerana Khadijah meyakini masalah suaminya bukanlah tentang penyakit misteri atau sihir sebaliknya suaminya sedang menerima 'sesuatu yang besar' dari Tuhan Maha Agung. Sebagai ahli kitab, pasti Waraqah mempunyai jawapannya. Ternyata, apa yang dilakukan Khadijah sangat tepat. Waraqah menceritakan bahawa ciri-ciri yang dilalui oleh Muhammad persis yang dialami oleh Nabi Musa AS. Bahkan makhluk (Jibril) yang mendatangi Muhammad adalah makhluk yang sama mendatangi Nabi Musa AS.

Khadijah menjadi wanita pertama beriman dengan suaminya sebagai utusan Allah SWT yang terakhir. Setiap yang terbit di bibir suaminya, semuanya diterima dan diyakini penuh tanpa ragu walau sesaat. Khadijah sendiri memaklumi bahawa bukan hanya sokongan dalam bentuk kepercayaan dan kata-kata yang diberikan kepada Rasulullah, malah seluruh yang dimilikinya termasuk diri, anak-anak dan hartanya akan diselaraskan dengan perjuangan agama akhir zaman iaitu Islam. Khadijah

membuktikan bahawa di belakang seorang lelaki yang hebat, pasti wujud wanita yang berjuang bersama-samanya. Cinta Khadijah adalah cinta seorang isteri kepada suaminya, juga cinta seorang umat kepada nabinya.

Bersama Khadijah, Nabi SAW berasa lengkap. Tidak pernah terfikir akan ada perkahwinan lain saat Khadijah menjadi isteri baginda. Namun, perancangan Allah SWT kepada kekasihnya berbeza. Setelah Khadijah wafat, Nabi SAW diperintahkan untuk berpoligami. Tetapi kenangan bersama Khadijah selamanya terpahat di hati Baginda SAW. Antara ujian yang paling berat Baginda SAW alami dalam kehidupannya adalah saat kematian Khadijah sehingga digelarkan tahun tersebut sebagai tahun kesedihan, menandakan penting dan istimewanya Khadijah kepada Muhammad SAW.

Khadijah dapat membuka lebaran kita sebagai wanita. Yang menyalakan lilin dirinya untuk suami dan anak-anak. Sekiranya kita diberikan kemampuan dari sudut ekonomi dan ilmu, maka jadilah juga seperti Khadijah yang melaburkan segala yang dimilikinya untuk perjuangan menegakkan agama Allah. Melihat kemuliaan peribadi Fatimah az-Zahra, maka fahamlah kita bahawa dia dilahirkan oleh wanita mulia yang bernama Khadijah. Justeru, jadilah ibu dan isteri seperti Khadijah kerana di sana terbitnya pintu cinta keluarga sakinah.

Renungilah lontaran sabda Baginda SAW tentang Khadijah:

"Tidak, Allah SWT sesungguhnya tidak memberikan kepadaku yang lebih baik. Dia (Khadijah) telah beriman kepadaku ketika semua orang menolaku, dia telah menerimaku ketika orang lain mendustakanku, dia memberiku hartanya ketika orang lain menghalang, aku dianugerahkan anak melaluinya tetapi tidak melalui kalian (isteri-isteri yang lain)."

(Riwayat Al-Bukhari)

KASIH UMAR BIN KHATTAB RA KEPADA RASULULLAH SAW



Bakri Bin Amboala

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah, JAKIM

Kisah seorang sahabat Nabi SAW yang cintanya luar biasa kepada Nabi. Dia adalah Umar. Dalam buku **'Semulia Akhlak Nabi'** karya Amru Khalid menceritakan kisah Umar bin Khattab RA yang berjalan bersama Nabi diiringi sebahagian sahabat.

Kemudian Rasulullah memimpin tangan Umar bin Khattab. Umar pun berkata, *"Demi Allah! Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku benar-benar mencintaimu."* Maka, Nabi berkata, *"Melebihi cintamu kepada orang tuamu, wahai Umar?"* Lalu, Umar pun menjawab, "Ya."

Rasulullah kembali bertanya, *"Melebihi cintamu kepada hartamu, wahai Umar?"* Kemudian, Umar kembali menjawab, "Ya."

Beliau SAW pun meneruskannya, *"Melebihi dirimu, wahai Umar?"* Umar pun menjawab, *"Tidak."* Betapa jujurnya Umar pada dirinya sendiri. Seketika Nabi SAW berkata, *"Tidak, wahai Umar. Tidak sempurna imanmu sehingga engkau mencintaiku melebihi dirimu sendiri."* Kemudian, Umar berkata, "Maka, aku pun keluar sambil berfikir.

Kemudian dengan semangat aku kembali menyaringkan suara sambil mengulang kalimat tadi. *"Demi Allah! Wahai Rasulullah, sungguh aku mencintaimu melebihi diriku sendiri."*

Maka Nabi menjawab, *"Sekarang, wahai Umar, sekarang, wahai Umar, (baru benar)."*

Kemudian, Abdullah bin Umar RA bertanya, *"Apakah yang menyebabkanmu berubah?"* Lalu Umar menjawab pertanyaan anaknya itu, Wahai anakku, ketika aku keluar, aku bertanya kepada diriku; siapa yang lebih aku perlukan pada hari kiamat, diriku atau Rasulullah? Maka aku pun menemukan jawabannya; bahawa aku memerlukan baginda SAW daripada diriku sendiri.

Kemudian aku teringat ketika diriku dalam kesesatan lalu Allah menyelamatkaniku. Abdullah bin Umar bertanya lagi, *"Wahai ayahku, jika ada sesuatu yang engkau lupakan dari Rasulullah SAW, maka apakah sesuatu itu yang tidak akan engkau lupakan untuk selamanya?"*

Maka Umar bin Khattab menjawab, *"Jika aku lupa terhadap sesuatu, maka aku tidak melupakan suatu hari saat aku mendatangi"* Baginda SAW sambil berkata, *"Izinkanlah aku untuk keluar mengerjakan umrah, wahai Rasulullah,"*

Kemudian, Rasulullah SAW pun berkata, *"Wahai saudaraku, jangan melupakan kami dari kemustajaban doamu'.* Kata-kata yang diucapkannya membuatku bahagia melebihi seluruh harta di dunia ini! kata Umar kepada anaknya.

Bicara tentang cinta dan kasih Rasulullah SAW, para sahabat Nabi SAW tanpa diragukan lagi adalah orang terkehadapan dalam merealisasikan kecintaan mereka kepada Baginda SAW. Mengapa? Sebab cinta dan kasih sayang merupakan buah dari pengenalan, dan para sahabat merupakan orang yang paling mengenal dan paling mengetahui kedudukan Rasulullah SAW, maka tidak menghairankan jika cinta mereka kepada Baginda Nabi SAW jauh lebih besar dan lebih mendalam dibandingkan kecintaan orang-orang yang datang sesudah mereka.

Apakah bentuk cinta yang perlu kita buktikan terhadap Baginda Nabi SAW dalam kehidupan kita sehari-hari? Sudah tentu antara cinta yang perlu kita buktikan terhadap Baginda SAW adalah:

1. Tanamkan perasaan cinta dan kasih yang begitu ikhlas dan tinggi kepada Baginda Nabi SAW. Perasaan ini mestilah dipupuk dan disuburkan dalam jiwa kita di sepanjang masa melebihi segala-galanya. Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah ia lebih mencintaiku daripada bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Sanggup mempertahankan kemuliaan Baginda Nabi Muhammad SAW dari difitnah sama ada secara fizikal atau kata-kata. Umat yang cintakan Nabi SAW sentiasa sanggup mempertahankan

kemuliaan Nabinya dari difitnah sama ada secara fizikal atau kata-kata.

3. Sanggup mempertahankan sunnah Baginda Nabi Muhammad SAW. Umat yang cintakan Nabi SAW sentiasa sanggup mempertahankan sunnah Nabinya. Mereka menjadikan cara kehidupan Nabi sehari-hari sebagai model dan cara hidup mereka. Mereka sanggup memperjuangkan semua bentuk ajaran rasulnya bahkan berusaha keras membanteras segala bentuk larangan rasulnya.
4. Sentiasa berselawat kepada Baginda Nabi Muhammad SAW antara bukti kecintaan kita kepada Baginda Nabi SAW adalah melalui ucapan selawat sepanjang masa.
5. Umat yang cintakan Nabinya sanggup mengorbankan harta dan jiwa dalam meneruskan perjuangan Nabinya ke arah meninggikan kalimah Allah di atas muka bumi ini. Umat yang kasih pada Nabinya akan sentiasa taat kepada arahan Allah dan rasul-Nya serta sentiasa menjauhi larangan-Nya. Kini tibalah masanya kita sebagai umat Islam perlu menukar arah dan pandangan hidup ke arah mencontohi cara hidup Baginda Nabi Muhammad SAW dan mencintai Rasulullah SAW sebagai mana kasih Umar bin al-Khattab RA Kepada Baginda Rasulullah SAW.

42 KELEBIHAN BERSELAWAT KE ATAS NABI MUHAMMAD SAW



Dr. Khairul Anwar Mustafa
Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Imam Al-Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani Al-Hasani RHM pernah menyatakan tentang kelebihan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW di dalam kitabnya *al-Safinah al-Qadiriyyah*. Beliau meriwayatkan daripada Ibn Farhun yang berkata: **“Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW itu mempunyai empat puluh dua kelebihan.”** Hal ini tertulis di dalam kitabnya *Hadaiq al-Anwar* iaitu:

1. Melaksanakan perintah Allah SWT.
2. Bersamaan dengan selawat Allah kepada Rasulullah SAW.
3. Bersamaan dengan selawat para Malaikat.
4. Mendapat ganjaran sepuluh kali selawat daripada Allah atas setiap kali selawat yang diucapkan.
5. Dikurniakan oleh Allah sepuluh darjat atas tiap-tiap satu selawat.
6. Dituliskan oleh Malaikat sepuluh kebaikan atas setiap selawat.
7. Dihapuskan oleh Allah sepuluh kejahatan atas setiap selawat.
8. Segala doa akan diperkenankan oleh Allah.
9. Mendapat syafaat daripada Rasulullah SAW.
10. Mendapat keampunan Allah serta akan ditutup segala keaiban.
11. Allah akan menutupi segala perasaan dukacita.
12. Dikurniakan maqam hampir kepada Rasulullah SAW.
13. Mendapat darjat *al-Sidq*.
14. Ditunaikan segala hajat.
15. Salam sejahtera pada hari kiamat.
16. Allah dan para Malaikat akan berselawat ke atas individu yang berselawat.
17. Mendapat khabar gembira daripada Allah dengan balasan syurga.
18. Salam sejahtera pada huru-hara hari kiamat.
19. Rasulullah SAW akan menjawab secara langsung ke atas setiap selawat yang dilafazkan.
20. Mudah mengingat semula perkara-perkara yang lupa.
21. Mendapat kedudukan yang baik pada hari kiamat serta tidak akan kecewa pada hari itu. Tidak akan merasai fakir.
22. Terpelihara daripada dihindangi sifat bakhil.
23. Mendapat kesejahteraan daripada doa Rasulullah SAW kepada yang berselawat.
24. Selawat akan menjemput setiap pengucapanya ke jalan syurga.
25. Menjauhkan seseorang itu daripada terlibat dalam majlis-majlis yang tidak disebut padanya nama Allah dan Rasul-Nya atau daripada majlis-majlis *lagha*.
26. Berselawat menyempurnakan kalam pujian Allah apabila disebut (di dalam doa), maka akan disambut selepas itu dengan kalimah selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
27. Selamat melintasi titian *Sirat al-Mustaqim* pada hari kiamat.
28. Disambut oleh Allah pada hari kiamat dengan kata-kata pujian yang lunak.
29. Mendapat balasan rahmat yang luas daripada Allah SWT.
30. Mendapat keberkatan daripada Allah.
31. Mendapat kesempurnaan iman.
32. Kasih dan cinta kepada Rasulullah SAW.
33. Mendapat hidayah Allah dan dikurniakan hati yang sentiasa hidup mengingati Allah.
34. Setiap selawat yang dibaca akan dibentangkan di hadapan Rasulullah SAW secara langsung.
35. Teguh pendirian dengan kebenaran.
36. Berselawat bererti kita menggunakan sebahagian hak-hak Rasulullah SAW ke atas diri kita.
37. Berselawat bermaksud mensyukuri nikmat Allah yang mengurniakan dan mengutuskan Rasulullah SAW kepada kita.
38. Berselawat juga bererti *zikrullah*, bersyukur serta mengikut segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
39. Berselawat bererti melengkapkan pengertian berdoa dan memohon kepada Allah, ke atas Rasulullah SAW dan kepada diri sendiri.
40. Antara kelebihan yang paling hebat kepada setiap individu ialah akan terjelma gambaran Rasulullah SAW di dalam jiwanya.
41. Dikurniakan oleh Allah maqam seorang Syeikh dan Murabbi.
42. Mendapat kebahagiaan dan ketenangan hidup di dunia dan akhirat.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

PETUNJUK NABI SAW BERKAITAN KOMPETENSI DALAM BEKERJA



Abu Asyraf al-Masehi
Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan, JAKIM

Bekerja merupakan suatu amanah yang dituntut kepada individu muslim dalam meneruskan kelangsungan kehidupan dan tanggungjawab sebagai hamba Allah, kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Apabila seorang hamba bekerja dengan penuh kompetensi untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah, maka setiap keringat dan titik peluh dalam bekerja akan diberkati dan diganjar pahala kerana mengikuti perintah Allah SWT dan sunnah Nabi SAW. Bahkan kompetensi dalam bekerja amat dititik beratkan kerana ia merupakan matlamat utama dalam bekerja dan menunjukkan tanggungjawab yang digalas telah dilaksanakan dengan sempurna.

Nabi Muhammad SAW telah diutuskan sebagai petunjuk dan contoh ikutan terbaik agar kehidupan umatnya di dunia ini hanya berpaksikan tauhid keimanan kepada Allah SWT, Tuhan yang memberikan rezeki. Kehidupan dunia akan menjadi ibadah serta bekalan pahala di akhirat kelak sekiranya setiap amalan yang dilakukan ikhlas kepada Allah SWT dan mengikut sunnah Nabi SAW. Banyak hadith Nabi SAW telah dihimpunkan dalam menjelaskan fadhilat dan keutamaan kompetensi dalam bekerja yang bukan sahaja memberikan manfaat keduniaan tetapi juga ganjaran pahala di akhirat nanti. Antara hadith-hadith yang boleh dijadikan petunjuk adalah:

1. BEKERJA DENGAN USAHA SENDIRI ADALAH SEBAIK PEKERJAAN

عَنْ الْمِقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ. (رواه البخاري)

Maksudnya:

Daripada al-Miqdam RA, daripada Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada seorang yang memakan suatu makanan pun yang lebih baik dari makanan hasil usaha tangannya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Allah Daud AS memakan makanan dari hasil usahanya sendiri." (Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, Kitab Jual Beli, Bab hasil usaha seseorang lelaki dan pekerjaannya dengan tangannya (usaha sendiri), no. hadith 2072)

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلْتُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ وَإِنَّ أَوْلَادَكُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ. (رواه الترمذي)

Maksudnya:

Daripada Aisyah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya sebaik-baik apa yang kalian makan adalah hasil dari usaha kalian sendiri, dan sesungguhnya anak-anak kalian adalah hasil dari usaha kalian." (Riwayat al-Tirmizi, Kitab Hukum-Hukum, Bab Seorang Ayah Dibolehkan Mengambil Harta Anaknya, no. hadith 1358, Abu Isa berkata; Hadith ini hasan)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَخْتَطِبَ عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَأْتِيَ رَجُلًا فَيَسْأَلَهُ أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ. (رواه البخاري)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, sesungguhnya bahawa salah seorang daripada kamu mengambil talinya lalu dia mencari kayu bakar dan membawanya di belakangnya, itu lebih baik baginya daripada dia mendatangi seseorang, lalu meminta kepadanya, sama ada orang itu memberinya atau menolaknya." (Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, Kitab Zakat, Bab Menjaga diri dari meminta-minta, no. hadith 1470)

2. ISLAM TIDAK MENGHALANG MENCARI KEKAYAAN

عَنْ مُعَاذِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حُبَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَمِّهِ قَالَ: كُنَّا فِي مَجْلِسٍ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى رَأْسِهِ أَثَرُ مَاءٍ، فَقَالَ لَهُ بَعْضُنَا: تَرَاكَ الْيَوْمَ طَيِّبَ النَّفْسِ، فَقَالَ: أَجَلُ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، ثُمَّ أَفَاضَ الْقَوْمُ فِي ذِكْرِ الْغَنَى، فَقَالَ: لَا بَأْسَ بِالْغِنَى لِمَنْ اتَّقَى، وَالصِّحَّةُ لِمَنْ اتَّقَى خَيْرٌ مِنَ الْغِنَى وَطَيِّبُ النَّفْسِ مِنَ النَّعِيمِ. (رواه ابن ماجه)

Maksudnya:

Daripada Mu'az bin Abdullah bin Khubaib RA, daripada bapanya, daripada bapa saudaranya, beliau berkata: "Ketika kami berada dalam satu majlis, maka Nabi SAW telah datang sementara di atas kepala Baginda masih ada sisa air mandian. Sebahagian daripada kami berkata kepada Baginda SAW: "Hari ini kami melihat kamu amat gembira." Lantas Baginda SAW menjawab: "Benar, segala pujian bagi Allah." Setelah itu para sahabat hanyut (leka) membincangkan hal kekayaan sehinggalah Baginda SAW bersabda: "Tiada apa-apa (tiada halangan) dengan kekayaan bagi orang yang bertakwa. Adalah kesihatan itu bagi orang yang bertakwa lebih baik daripada harta kekayaan dan kebahagiaan jiwa itu adalah sebahagian daripada kenikmatan." (Riwayat Ibn Majah, Kitab Perniagaan, Bab Galakkan Untuk Bekerja, no. hadith 2141, berkata al-Busyiri, sanad hadith ini sahih dan perawinya thiqah)

3. TAWAKAL DALAM BEKERJA ADALAH SATU TUNTUTAN

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقْتُمْ كَمَا يُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا. (رواه الترمذي)

Maksudnya:

Daripada Umar bin Al-Khattab RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Jika sekiranya kamu bersungguh-sungguh bertawakal kepada Allah, nescaya Allah memberi rezeki kepada kamu seperti rezeki seekor burung yang keluar di waktu pagi dengan perut kosong dan pulang di waktu petang dengan perut terisi penuh kenyang.” (Riwayat al-Tirmizi, Kitab Zuhud, Bab Penjelasan Bertawakal kepada Allah, no. hadith 2344, berkata Abu Isa, hadith ini hasan sahih)

4. KOMPETENSI DALAM BEKERJA ADALAH DIKASIHI ALLAH SWT

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ. (رواه الطبراني في المعجم الأوسط)

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA., bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah Azzawajalla mengasihi seseorang hamba yang melakukan sesuatu amalan dengan penuh kompetensi.” (Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsath, Bab al-Alif, Man Ismuhu Ahmad, no hadith 897, al-Suyuti dalam al-Jami' al-Saghir (1861) mengatakan hadith ini daif)

5. AMANAH DALAM BEKERJA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَدِّ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنْ ائْتَمَكَ، وَلَا تَخُنْ مَنْ خَانَكَ. (رواه الترمذي)

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata, Nabi SAW bersabda: “Tunaikanlah amanah kepada siapa yang mengamanahkan kepada kamu dan janganlah kamu mengkhianati siapa yang mengkhianati kamu.” (Riwayat al-Tirmizi, Kitab Jual Beli, Bab Minhu, no. hadith 1264, dengan katanya, hadith ini hasan gharib)

Islam tidak menghalangnya umatnya untuk mencari kekayaan kerana dengan usaha sendiri tersebut merupakan sebaik-baik hasil pekerjaan dan usaha yang disukai oleh Allah SWT. Daripada hadith-hadith yang diutarakan di atas, antara beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam mencapai kompetensi dalam bekerja adalah:

- i- Setiap usaha dan pekerjaan hendaklah daripada hasil usaha sendiri.
- ii- Islam melarang umatnya meminta-minta sesama manusia.
- iii- Setiap usaha dan pekerjaan hendaklah disandarkan takwa kepada Allah SWT.
- iv- Setiap usaha dan pekerjaan hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan bertawakal kepada Allah SWT.
- v- Setiap usaha dan pekerjaan hendaklah dilakukan dengan amanah.

INDAHNYA BERSELAWAT



Dr. Halim Bin Ismail
Pensyarah Kanan
Department of Curriculum and Instruction Kulliyah of Education
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

PENDAHULUAN

Kita merupakan insan yang sangat beruntung kerana menjadi umat kepada nabi serta rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya terdapat banyak keistimewaan yang diberikan kepada umat Baginda berbanding umat-umat nabi sebelumnya.

Meskipun tidak berkesempatan bertemu dengan Rasulullah SAW, namun kita masih berpeluang untuk mendalami dan mengamalkan sunnah dan sirah Baginda SAW. Hal ini merupakan antara bukti kecintaan kita kepada Baginda SAW. Antara pendekatan paling mudah untuk kita lakukan adalah dengan berselawat ke atas Baginda SAW.

Allah S.W.T telah memerintahkan hamba-hambanya supaya sentiasa berselawat ke atas baginda Rasulullah S.A.W. Sebagaimana firman Allah di dalam Surah al-Ahzab ayat 57:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas nabi, wahai orang-orang yang beriman selawatlah kamu ke atas Baginda dengan selawat yang sebaik-baiknya."

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT dan para malaikat sentiasa berselawat ke atas Rasulullah SAW. Selepas itu, Allah SWT memerintahkan pula para hamba-Nya supaya berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang telah dilakukan oleh Allah SWT dan para malaikat. Ayat tersebut juga memerintahkan kepada umat Islam untuk melakukan dua perkara iaitu berselawat ke atas Rasulullah SAW dan memberi salam kepada Baginda.

MAKSUD SELAWAT KE ATAS RASULULLAH S.A.W

Perkataan selawat berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud doa. Firman Allah Taala dalam Surah al-Taubah, ayat 103:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ

Maksudnya: "Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka".

Menurut pandangan ahli tafsir, maksud Allah SWT berselawat ke atas rasulnya ialah Allah memuji, memberkati, memberi rahmat dan keampunan kepada Baginda. Selawat para malaikat ke atas Rasulullah SAW pula membawa maksud doa, memohon keberkatan dan keampunan para malaikat untuk Nabi SAW. Manakala selawat umat Islam ke atas Rasulullah SAW pula bermaksud memohon kedudukan yang baik, penghormatan dan kedudukan yang tinggi untuk Baginda Rasulullah SAW.

KEUTAMAAN SELAWAT KE ATAS RASULULLAH S.A.W

Allah SWT memerintahkan hamba-hambanya yang beriman supaya sentiasa berselawat ke atas Rasulullah SAW. Selain daripada dalil-dalil al-Quran, terdapat juga hadith-hadith Rasulullah SAW yang menyuruh supaya sentiasa berselawat ke atas Baginda. Hal ini bagi membolehkan kita memperolehi ganjaran pahala yang sangat besar.

Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا

Maksudnya: "Sesungguhnya barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat." (Riwayat Muslim)

Hadis Rasulullah daripada 'Abi bin Ka'ab:

عن أبي بن كعب رضي الله عنه قال: قلت: يا رسول الله إني أكثر الصلاة عليك فكم أجعل لك من صلاتي؟ فقال: «ما شئت». قال: قلت: الربع، قال: «ما شئت فإن زدت فهو خير لك»، قلت: النصف، قال: «ما شئت، فإن زدت فهو خير لك»، قال: قلت: فالثلثين، قال: «ما شئت، فإن زدت فهو خير لك»، قلت: أجعل لك صلاتي كلها قال: «إذا شكفتُ همَّك، ويُغفرَ لك ذنبك»

Maksudnya: "Daripada Abi bin Ka'ab, beliau bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah, saya banyak berselawat ke atas Tuan, sebanyak mana yang perlu saya lakukan untuk Tuan? Baginda bersabda: terserah kepada anda. Saya bertanya, seperempat? Baginda bersabda: terserah kepada anda, dan kalau boleh ditambah adalah lebih baik untuk anda. Saya bertanya lagi: Kalau separuh? Baginda menjawab: terserah kepada anda, kalau anda tambah, itu adalah lebih baik untuk anda. Saya bertanya lagi: Dua pertiga? Baginda menjawab: Terserah kepada anda, dan kalau anda tambah adalah lebih baik untuk anda. Saya bertanya lagi: Saya jadikan semuanya untuk tuan? Baginda menjawab: ia dapat memenuhi tujuan anda dan dosa anda akan diampunkan". (Hadis Riwayat al-Tarmizi)

Sebaliknya sesiapa yang enggan berselawat kepada Baginda tidak akan mendapat kebaikan. Daripada Abi Hurairah, Baginda mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لا تجعلوا بيوتكم قبورا، ولا تجعلوا قبري عيداً، وصلوا عليّ فإن صلاتكم تبلغني حيث كنتم

Maksudnya: "Jangan kamu jadikan rumah kamu kubur, dan jangan kamu jadikan kuburku sebagai hari raya, selawatlah ke atasku, kerana sesungguhnya selawat yang kamu lakukan untukku akan sampai kepadaku walau di mana kamu berada". (Hadis Riwayat Abu Daud)

INDAHNYA BERSELAWAT

Berselawat ke atas Rasulullah SAW sebenarnya dapat mendidik diri, hati, jiwa dan akal kita untuk menjadi hamba Allah SWT yang sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang dikurniakan. Pada masa yang sama, ia akan melatih kita supaya sentiasa reda di atas segala ujian yang diberikan Allah SWT. Dengan cara ini, diri, hati, jiwa dan akal kita akan menjadi cekal untuk menjalani kehidupan di dunia yang penuh dengan dugaan dan cabaran.

Jika kita lalai daripada berzikir kepada Allah SWT dan berselawat kepada Rasulullah SAW, dikhuatiri hidup kita akan jauh daripada rahmat Allah SWT dan Rasul-Nya. Hidup kita akan menjadi sempit, hati menjadi gundah gulana dan jiwa akan sentiasa tertekan.

Justeru, umat Islam sekali-kali tidak boleh mengabaikan selawat kepada Rasulullah SAW. Luangkanlah waktu pada setiap hari terutamanya hari Jumaat yang mulia untuk membasahkan lidah dan hati dengan lafaz mulia dan puji-pujian kepada Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya, amalan yang mulia ini akan menjadikan hidup seseorang lebih indah dan bererti. Semoga kita bakal mendapat segala ganjaran yang dijanjikan Allah SWT dan Rasulullah SAW, beroleh kejayaan, keberkatan dan keampunan dalam kehidupan di dunia mahupun di akhirat.

Irhas; Tanda-Tanda Awal Kenabian Nabi Muhammad SAW.



Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan

Pensyarah Kanan Department of Curriculum and Instruction Kulliyah of Education
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Menjadi Sunnah Allah SWT pada alam ini, sesuatu perkara besar yang akan berlaku terdapat petanda-petanda awal baginya. Misalnya, sebelum turun hujan, kebiasaannya langit akan mendung dan cuaca akan menjadi sejuk. Ini yang disebut dalam al-Quran firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ

Ertinya: Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan). (Al-A'raf: 57)

Selain itu, petanda-petanda kecil dan besar akan berlakunya hari kiamat di dalam bahasa arabnya علامات الصغرى والكبرى yang dihabarkan oleh Baginda SAW kepada kita yang sebahagian besarnya kita telah dapat lihat dengan mata kepala kita sendiri.

Junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi akhir zaman, pembawa risalah terakhir daripada Allah SWT kepada umat manusia. Penyelamat umat manusia dari kesengsaraan, Baginda merupakan cahaya kepada umat manusia sepertimana firman Allah SWT:

فَدَجَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

Ertinya: Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. (Al-Ma'idah: 15)

Sempena dengan kelahiran agung ini, Allah SWT menetapkan untuk berlakunya beberapa petanda-petanda luar biasa sebagai mukaddimah. Petanda-petanda ini membenarkan apa yang tercatat dalam kitab-kitab samawi terdahulu, begitu juga supaya umat manusia bersedia menerima dan mempercayai Baginda SAW kelak setelah diangkat menjadi Nabi. Manusia yang diberikan kemuliaan dengan berlakunya perkara luar biasa semasa kelahirannya, bukanlah manusia biasa. Ini yang juga terjadi kepada Nabi-nabi terdahulu seperti Nabi Isa AS yang lahirnya Baginda tanpa ayah telah mengharukan seluruh kaum kerabat bahkan umat manusia ketika zaman tersebut. Sehingga ada yang telah mengangkat Nabi Isa AS sebagai anak tuhan dengan kelahiran yang agung ini. Di sisi kita umat Islam, ianya merupakan Irhas ataupun petanda awal kenabian.

Perkataan Irhas ataupun dalam tulisan arabnya ارهاص diistilahkan oleh para ulama akidah pada petanda kenabian ataupun petanda luar biasa yang berlaku menunjukkan kemunculan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi akhir zaman.

Irhas ini terbahagi kepada dua, pertama sebelum kelahiran Baginda SAW, kedua selepas kelahirannya sehinggalah penurunan wahyu pertama di gua Hira'. Setelah wahyu diturunkan, perkara luar biasa ini digelar mukjizat di sisi takrifan para ulama akidah.

Sempena bulan kelahiran Nabi Muhammad SAW, mari sama-sama kita mengenali Irhas ataupun kejadian luar biasa yang telah berlaku sebelum kelahiran Baginda SAW.

Pertama:

Tahun gajah. Peristiwa tahun gajah merupakan peristiwa yang sangat masyhur dalam kalangan seluruh kaum arab. Raja Najasyi yang bernama Abrahah al-Asyram telah datang untuk merobohkan Kaa'bah, namun diselamatkan oleh Allah SWT tanpa sedikit pun campur tangan dari Quraisy.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ۚ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ۚ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ۖ تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ۖ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ۚ

Ertinya: Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)? Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang rugi dan memusnahkan mereka? Dan Ia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasukan, Yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang dibakar keras, Lalu ia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat.
(Al-Fil: 1-5)

Peristiwa ini diungkapkan dalam surah al-Fil. Pada tahun tersebut dalam bulan Rabiul Awal lahirnya junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Kekalahan raja Abrahah ini telah menaikkan nama Mekah dan menambahkan keagungannya di sisi kaum arab.

Dapat diperhatikan juga di sini bangsa Arab yang menyembah berhala telah mengalahkan Raja Habsyah yang terkenal dengan kehebatan ketenteraan dan beragama Kristian. Ini juga menunjukkan sesuatu petanda pengakhiran era agama kristian yang telah menyeleweng daripada agama tauhid. Tanda pengakhiran agama Kristian ini bukanlah sama sekali bererti agama berhala akan mengambil alih, sebaliknya kelahiran Nabi akhir zaman yang akan meneruskan legasi para Nabi sebelumnya dengan mendirikan semula agama tauhid dan risalah agung dari Tuhan sekalian alam.

Kedua: Kemunculan Bintang Ahmad.

Bintang Ahmad ini telah disebutkan dalam kitab Taurat sebagai petanda kelahiran Nabi Muhammad SAW.

Orang Yahudi sentiasa menantikan kemunculan bintang ini di langit. Menurut sebahagian riwayat, ini antara sebab mengapa orang Yahudi berhijrah ke tanah Arab, mereka menantikan kemunculan bintang ini yang menjadi bukti kelahiran Nabi akhir zaman.

Sahabat yang bernama Hassan bin Thabit yang ketika itu masih kanak-kanak menceritakan hal ini ketika beliau di Madinah. Pada suatu malam seorang Yahudi malam berteriakan, orang Yahudi berkumpul sekitarnya lalu dia memberitahu bahawa dia telah melihat kemunculan bintang Ahmad di langit seperti yang tercatat dalam kitab Taurat, (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Kitab Injil dan Taurat telah menyebut sifat-sifat Nabi Muhammad SAW seperti yang tercatat di dalam al-Quran, ketika mana Allah SWT mengarahkan Nabi Musa mengambil janji daripada kaum Bani Israel supaya beriman dengan Nabi Muhammad SAW:

وَاكْتُبْ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُنَا مُسْتَوْفُونَ ۚ قَالَ إِنَّكَ أَصَيْبٌ بِهِ مِنْ أَمْرٍ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْنُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

"Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu". Allah berfirman: "AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertaqwa dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. (Al-A'raf: 156)

"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang

yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongNya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-A'raf: 157)

Begitu juga disebut dengan jelas oleh Nabi Isa AS tentang kedatangan Nabi Muhammad SAW yang telah diungkapkan oleh Allah SWT dalam surah al-Saf, firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَبْنِي إِسْرَءِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ النُّورِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُبِينٌ ﴿٦﴾

Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: "Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku - bernama: Ahmad". Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: "Ini ialah sihir yang jelas nyata!". (As-Saf: 6)

Namun, orang Yahudi setelah kedatangan Nabi Muhammad SAW telah menolak risalah Nabi Muhammad SAW walaupun mereka mengenali Baginda dengan tanda-tanda yang jelas. Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كَذَّبَ مَنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَهُ اللَّهُ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾

Ertinya: Dan ketika datang kepada mereka sebuah kitab dari Allah (Al-Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan Al Quran), mereka mengingkarinya maka (dengan yang demikian) laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu. (Al-Baqarah: 89)

Hal tentang petanda kelahiran dan kemunculan Baginda SAW ini juga telah diceritakan oleh seorang Arab dari qabilah Quraisy bernama Zaid bin Amru bin Nufail ketika beliau di Syam. Seorang paderi di sana menyampaikan kepadanya "telah muncul di tempat kamu seorang Nabi, pulanglah ke sana, ikutilah beliau dan berpegang dengan ajarannya".

Sudah tentulah berita tentang kemunculan bintang Ahmad ini tersebar luas dalam kalangan Arab terutama Arab Quraisy, kerana mereka tinggal bersama-sama dengan orang Yahudi dan Nasrani di sekitar Mekah Madinah, begitu juga ketika mereka bergaul semasa berdagang di bumi Syam.

Ketiga: Mimpi Ibunda Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW bersabda dalam satu petikan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa: "Ketika ibuku mengandungku, ibuku melihat dalam mimpi bahawa telah keluar darinya cahaya yang telah menerangi istana-istana di Syam. Mimpi ini telah diceritakan kepada kaum Quraisy dan telah tersebar luas.

Hakikatnya mimpi ini menjadi kenyataan selepas Baginda SAW diangkat menjadi Nabi. Iaitu, Syam yang merupakan pusat pemerintahan empayar Rom jatuh ke tangan umat Islam dan diterangi dengan cahaya Islam. Cahaya itu muncul dari Mekah dan pancaran hidayahnya hinggalah ke bumi Syam yang terletak hampir 1000 kilometer dari Mekah.

Begitulah dapat dilihat beberapa peristiwa besar luar biasa yang telah berlaku sebagai petanda bagi kelahiran Baginda SAW. Orang bukan Islam mungkin tidak merasakan apa-apa disebalik semua perkara luar biasa ini bahkan tidak mampu sama sekali mengaitkannya dengan kenabian Rasulullah SAW. Namun, kita sebagai umat Islam hendaklah mempercayai *Irhas* ini sebagai suatu yang luar biasa berlaku bagi menunjukkan keagungan dan kenabian Baginda SAW.

Mempercayai dan beriman dengan *Irhas* ini juga merupakan suatu yang dituntut oleh syariat bagi mengenali Baginda SAW dengan lebih rapat. Ini selari dengan tuntutan syariat supaya kita beriman, cinta kepada Baginda SAW. Pepatah Melayu menyebut "tak kenal maka tak cinta" Oleh itu, marilah sama-sama kita mencari cinta Nabi dengan mengenali Baginda dengan lebih rapat.



Khutbah Wada' Rasulullah SAW

“Wahai manusia, dengarlah baik-baik apa yang hendak ku katakan. Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas tahun ini. Oleh itu dengar teliti kata-kata ku ini dan sampaikanlah ia kepada orang-orang yang tidak dapat hadir disini pada hari ini.”

“Wahai manusia sepertimana kamu menganggap bulan ini, dan kota ini sebagai suci, maka anggaplah jiwa dan harta setiap orang Muslim sebagai amanah yang suci. Kembalikan harta yang diamanahkan kepada kamu kepada pemiliknya yang berhak, janganlah kamu sakiti sesiapa pun agar orang lain tidak menyakiti kamu pula. Ingatlah sesungguhnya kamu akan menemui Tuhan kamu, dan Dia pasti akan membuat perhitungan di atas segala amalan kamu. Allah telah mengharamkan riba, oleh itu segala urusan yang melibatkan riba dibatalkan mulai sekarang,”

“Berwaspadalah terhadap Syaitan demi keselamatan agama kamu. Dia telah berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara-perkara besar, maka berjaga-jagalah supaya tidak mengikuti dalam perkara-perkara kecil,”

“Wahai manusia, sebagaimana kamu mempunyai hak atas para isteri kamu, mereka juga mempunyai hak diatas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga berhak untuk diberi makan dan pakaian dalam suasana kasih sayang. Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik dan berlemah lembutlah terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu kamu yang setia. Dan hak kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang tidak kamu sukai ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina,”

“Wahai manusia, dengarlah bersungguh-sungguh kata-kata ku ini, sembahlah Allah dirikanlah sembahyang lima kali sehari, berpuasalah di bulan Ramadhan dan tunaikanlah zakat dari harta kekayaan kamu. Kerjakanlah ibadah haji sekiranya kamu mampu. Ketahuilah setiap Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Kamu semua adalah sama, tidak seorang pun lebih mulia dari yang lainnya kecuali dalam taqwa dan beramal soleh,”

“Ingatlah, bahwa kamu akan menghadap Allah pada suatu hari untuk dipertanggungjawabkan di atas apa yang telah kamu kerjakan. Oleh itu, awaslah agar jangan sekali-kali kamu terkeluar dari landasan kebenaran selepas ketiadaanku,”

“Wahai manusia, tidak ada lagi Nabi dan Rasul yang akan datang selepas ku dan tidak akan lahir agama baru. Oleh itu wahai manusia, nilailah dengan betul dan fahamilah kata-kata ku yang telah aku sampaikan kepada kamu,

“Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikuti kedua-duanya, nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya. Itulah Al-Quran dan sunnahku,”

“Hendaklah orang-orang yang mendengar ucapanku menyampaikan pula kepada orang lain dan hendaklah orang itu menyampaikannya pula kepada orang lain. Semoga yang terakhir lebih memahami kata-kataku dan dari mereka yang terus mendengar dariku. Saksikanlah ya Allah, bahwasanya telah aku sampaikan risalah Mu kepada hamba-hamba Mu,”

TERJEMAHAN QASIDAH

طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا

طلع البدر علينا

Tala'a al-badru 'alaynā

- Wahai bulan purnama yang terbit kepada kita

أيها المبعوث فينا

Ayyuha al-mab'ūthu finā

- Wahai Engkau yang dibesarkan di kalangan kami

من ثنات الوداع

Min thanīyāfi al-wadā'

- Dari lembah Wadā'

جئت بالأمر المطاع

Ji'ta bil-amri al-mutā'

- Datang dengan seruan untuk dipatuhi

وجب الشكر علينا

Wajab al-shukru 'alaynā

- Dan wajiblah kita mengucapkan syukur

جئت شرف المدينة

Ji'ta sharaft al-madīnah

- Anda telah membawa kemuliaan kepada kota ini

ما دعى الله داع

Mā da'ā lillāhi dā'

- Di mana seruan adalah kepada Allah

مرحبا يا خير داع

Marhaban yā khayra dā'

- Selamat datang penyeru terbaik ke jalan Allah

سلامت داتغ ک

KEDAI BUKU JAKIM

DISKAUN
DAN HADIAH
MENARIK MENANTI
ANDA!!!



إسلام و ترقى
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM



bukujakim

LOKASI:

KEDAI BUKU JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

WAKTU OPERASI:

9.00 PAGI - 4.00 PETANG

DIBUKA PADA SETIAP HARI
KECUALI SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM

NO. TEL:

03-88707000 SAMB. 7445 / 7446

EMEL:

promosi@islam.gov.my

www.islam.gov.my/e-penerbitan